



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	18/12/2019	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

IWK perluas operasi, sedia bekalan air terawat

Syarikat pembentungan sedia jual bawah nilai pasaran semasa

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Syarikat pembentungan air kumbahan nasional, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) bakal memperluas operasinya dengan menyediakan bekalan air terawat bagi pengguna industri tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, M Narendran, menjelaskan ia sudah menghasilkan air terawat di IWK sudah mencapai kapasiti sebanyak 5,500 liter sehari di seluruh negara.

Bagaimanapun, katanya, IWK

kini sedang menunggu maklum balas daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), sebelum ia dibawa untuk pertimbangan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar.

“Diakui ia (membekal air terawat) memerlukan kos besar tetapi tarif bagi pengguna industri adalah pada kadar agak tinggi dan kita boleh jual di bawah nilai pasaran semasa.

“Bekalan air terawat ini akan dijual secara pukal kepada operator air dan mereka (operator air) yang akan menjualnya semula kepada pengguna industri,” katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Terdahulu, beliau bersama Pengerusi IWK, Amiruddin Abdul Aziz turut melancarkan buku khas berjudul *Memacu Negara* sempena ulang tahun ke-25 syarikat berkenaan.

Dalam pada itu, Narendran menjelaskan, tarif pembentungan baharu IWK dijangka di-

 **Bekalan air terawat ini akan dijual secara pukal kepada operator air dan mereka (operator air) yang akan menjualnya semula kepada pengguna industri.**

M Narendran,
Ketua Pegawai Eksekutif IWK

muktamadkan pada suku pertamanya 2020, selepas permohonan mengenainya dihuluskan Xavier.

“Kita melihat sama ada untuk menyelaraskan tarif domestik atau kenakan minimal sebanyak RM2. Bagaimanapun, golongan B40 dan rakyat yang berada dalam senarai e-Kasih akan me-

nerima subsidi bagi kenakan ini.

“Kenakan tarif ini bertujuan mengurangkan subsidi dan kebergantungan kepada kerajaan, selain ia sangat minimum. Kos operasi sebenar ketika ini adalah RM18 tetapi caj dikenakan hanyalah lapan sen per meter pa-du,” katanya.

Mengenai pengembalian bersepadu air dan pembentungan IWK, beliau berkata, ia dijangka dimulakan pada tahun depan dengan proses menandatangani dokumen berkaitan bersama salah sebuah operator air; Jumaat ini.

“Pengebilan bersepadu ini bertujuan meningkatkan kecekapan kadar kutipan tahunan yang ketika ini hanya antara 57 hingga 58 peratus sahaja. Kita mahu meningkatkan kepada 90 peratus.

“Selain itu, kita juga mahu memudahkan pelanggan membuat pembayaran bil apabila kedua-duanya digabungkan selepas ini,” katanya.